

27/08/2002

Tokoh tersohor jayakan Baca Puisi Merdeka

Salbiah Ani

KALAU roboh kota Melaka

Papan di Jawa saya dirikan

Kalau sungguh bagai dikata

Badan dan nyawa saya serahkan.

PANTUN lama bertema kasih sayang itu sudah pasti masih lekat dalam ingatan sebahagian besar daripada rakyat Malaysia khususnya yang dekat dengan sastera Melayu dan menunjukkan betapa Malaysia dan Indonesia begitu bertaut rapat.

Tetapi kini segala-galanya itu menjadi catatan sejarah dan hanya tinggal sebagai suatu nostalgia kerana hakikatnya baik Malaysia mahupun Indonesia sememangnya berbeza, masing-masing negara berdaulat perlu saling menghormati kedaulatan serta undang-undang kedua-dua negara.

Justeru pantun lama itu dijadikan inspirasi bagi membangkitkan semangat baru sehingga lahirlah Di Atas Runtuhan Kota Melaka, Kita Dirikan Putrajaya sebagai tema acara Baca Puisi Merdeka Putrajaya, kali ketiga yang akan berlangsung dua hari berturut-turut mulai 28 Ogos ini.

Baca Puisi Merdeka Putrajaya anjuran Biro Tatanegara sempena menyambut kemerdekaan Malaysia pada 31 Ogos ini akan berlangsung dari jam 8.30 malam di bangunan kerajaan Putrajaya dan peminat puisi tanah air dijemput datang beramai-ramai bagi memeriahkannya.

Ketua Pengarah Biro Tatanegara, Datuk Dr Nordin Kardi berkata, Baca Puisi Merdeka Putrajaya pada 28 Ogos ini dibuka kepada sesiapa yang berminat dan ia dibenarkan berlarutan sehingga ke pagi keesokan harinya, sekiranya ramai deklamator yang hadir.

"Mereka yang berminat untuk mendeklamasikan puisi bertema kemerdekaan dan kenegaraan pada malam pertama boleh menghubungi talian 019-2353376 untuk mendaftarkan diri tetapi acara pada malam kedua dibataskan kepada penyair jemputan," katanya dalam wawancara dengan Sastera dan Budaya.

Acara pada malam kedua yang dijadualkan berlangsung dari jam 8.30 malam hingga 11.30 malam akan turut dihadiri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, isterinya, Datin Seri Dr Hasmah Mohd Ali dan Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Khamsiyah Yeop.

Ketiga-tiga tokoh negara itu akan menunjukkan kebolehan masing-masing dalam mendeklamasikan puisi pada malam terbabit dan mereka akan disertai Sasterawan Negara (SN) yang sudah banyak menyumbang khususnya dalam genre puisi, novel dan drama, Datuk A Samad Said.

Tidak ketinggalan Baca Puisi Merdeka Putrajaya turut dijayakan beberapa penyair dari seluruh negara termasuk Khalid Salleh, Ahmad Shukri Abdullah, Izz Taufik Sazalee, Mohd Azlee Lee Abdullah, Amaruszati Noor Rahim, Rahimidin Zahari, Abdul Mubin Ismail dan Afrini Adham.

Dr Nordin berkata, penampilan Izz Taufik selama tiga tahun berturut-turut bertujuan mengiktiraf kebolehan kanak-kanak terbabit dengan harapan beliau akan menjadi penyair besar setanding dengan SN Samad pada suatu masa nanti.

"Biro Tatanegara sedia menimbangkan penampilan kanak-kanak lain di pentas Baca Puisi Merdeka Putrajaya pada masa depan dengan syarat ia sudah menunjukkan kekerapan dan ketrampilannya beraksi dengan baik di pentas puisi," katanya.

Sastera dan Budaya diberitahu, Biro Tatanegara selaku urus setia Baca Puisi Merdeka Putrajaya sengaja mengadakan acara terbabit untuk dua hari kerana Malaysia mempunyai ramai penyair yang boleh ditampilkan di pentas

puisi.

"Biro Tatanegara selalunya mengadakan kursus kenegaraan bagi untuk masyarakat dan acara Baca Puisi Merdeka Putrajaya membuka ruang kepada kami memberi sumbangan kepada usaha membangunkan Putrajaya sebagai Pusat Kebudayaan dan Kesenian bangsa pada masa depan," katanya.

Justeru, tema Baca Puisi Merdeka Putrajaya sengaja diangkat daripada puisi yang dideklamasikan Dr Mahathir pada acara tahun lalu dan sudah diabadikan di bangunan Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) bersama-sama puisinya Erti Kemerdekaan yang dideklamasikan pada tahun pertama acara terbabit.

Sastera dan Budaya diberitahu, Biro Tatanegara turut merancang mengadakan acara baca puisi bulanan di Taman Kompleks B, Jabatan Perdana Menteri (JPM), Putrajaya, yang berkemungkinan dapat dilaksanakan secepatnya bulan depan.

Serentak dengan acara Baca Puisi Merdeka Putrajaya, turut berlangsung program larian bergilir-gilir yang membabitkan 100 peserta dan ia dilancarkan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman dan Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd Ali Mohd Rustam, pada 25 Ogos lalu.

"Kumpulan ini sudah pun sampai di Negeri Sembilan pada 26 Ogos pagi dan akan menuju ke Kuala Pilah serta beberapa destinasi sebelum dijadualkan sampai di sempadan Beranang, Selangor, pada jam 1 pagi 28 malam dan mereka ketibaan mereka diraikan dengan acara kesenian oleh orang setempat," katanya.

Selain itu, kumpulan terbabit akan menyertai majlis Baca Puisi Merdeka Putrajaya pada 29 Ogos dan Biro Tatanegara berharap larian bergilir-gilir 24 jam itu akan dapat mencipta rekod yang bakal dimuatkan dalam Malaysia Book of Records.

Dr Nordin berkata, program anjuran Biro Tatanegara mendapat sokongan daripada beberapa syarikat korporat serta membolehkan cenderamata dalam bentuk penanda buku, pen dan kemeja-t diedarkan kepada orang ramai pada setiap destinasi yang menjadi persinggahan pelari.

"Biro Tatanegara menasihatkan orang ramai yang datang untuk menyaksikan acara Baca Puisi Merdeka Putrajaya untuk membawa makanan sendiri kerana tiada gerai menjual makanan disediakan tetapi air mineral akan disediakan secara percuma kepada semua," katanya.